

## Mesej Tahun Baru P.M. dan mini-komen penulis...

"PERUTUSAN Tahun Baru Mahathir Lebih Kebahagiaan Untuk Rakyat," kata kepala muka hadapan Utusan Melayu, Januari 1, 1982. Berita selanjutnya melaporkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berikut:

"Untuk menyambut tahun 1982 ini, saya berdoa mudah-mudahan Allah Subhanawatala akan membuka hati kita semua supaya sedar terhadap hikmah dan kurniaan-NYA dan dengan itu membuktikan kesyukuran melalui amalan nilainilai yang baik yang sudah tentu akan membawa kebahagiaan kepada rakyat dan Negara." (Mini-Komen: Sedhinya, Datuk Seri ada pula sebilangan manusia di dunia ini yang mengidap sejenis penyakit jiwa ("moneymania?") dan dengan itu tidak mengasingkan diri segelintir mengucap kesyukuran kepada Tuhan. Akibatnya, bila mereka itu, umpamanya, diberkati Tuhan dengan rezeki halal—atau "separuh halal"—yang berupa sejuta ringgit, mereka akan berusaha pula untuk mendapatkan dua juta ringgit tambahan melalui cara yang seratus peratus "tidak halal", seperti umpamanya penipuan, korupsi, pemalsuan atau penyahgunaan kuasa dan kedudukan... Kalau melalui cara yang halal, yakni, tanpa melanggar undang-undang atau Rukun Negara, itu lain kira.)

Perdana Menteri mahukan rakyat supaya mengubah sikap mereka terhadap pekerjaan dengan bekerja lebih jujur dan bertanggungjawab sambil "mengeneapkan sedikit soal upahan bagi diri sendiri."

Katanya, setiap kerja yang

dibebankan kepada seseorang hendaklah dijalankan dengan penuh minat dan dedikasi sebagai satu peribadi memegang amanah. (Mini-Komen: Dengan itu, umpamanya, mereka yang bertugas sebagai posmen hendaklah menyampaikan surat kepada orang yang berhak menerimanya tanpa berlembang-lembang; mereka yang membaca surat atau lampu, hendaklah mencecaitkan "bacaan" mereka dengan betul dan tepat; mereka yang bertugas dapur hospital atau di dalam negeri hendaklah menghidupkan pra pesakit dengan misalnya, mencuri lauk untuk perut sendiri—"buncit perut" nanti! Mereka yang diamanahkan dengan wang rakyat atau hasil negara, janganlah menyalahguna duit berkenaan, seolah-olah hanya adalah hakmilik peribadi. Dan akhirnya, tapi tidak pula kurang pentingnya, mereka yang diamanahkan dengan kuasa atau kedudukan, janganlah hendaknya menyalahguna kuasa atau kedudukan dengan tujuan memperlah dan memperjuangkan kepentingan peribadi dengan menyalahgunakan kuasa mereka sebagai kepentingan rakyat dan negara atau negeri.)

"Ganjaran yang kita perlu ialah hormat, hormat dari masyarakat dalam negeri dan menghormati antarabangsa. Marilah kita melitih kita junjung tinggi," jelas Perdana Menteri.

(Mini-Komen: Seseorang manusia, bagaimana tinggil sekalipun pangkat dan kedudukan, setelah kehilangan penghormatan dan maruah, adalah lebih rendah nilainya di kaca mata rakyat yang rasional daripada kerbau yang bertugas di sawah... Dan dalam tahun-tahun lapan puluhan di sini, rakyat sudah ke-20-ini, mata dan telinga pemikiran mereka, dan dengan itu sudah berkebolehan dari segi mental untuk

mengenalpastikan mana di antara pemimpin atau ketua masyarakat yang cuma manis di mulut tapi berulat di perut, dan mana satu yang berpandukan kepada prinsip "lalu bilang lalu bikin...").

Tambah Datuk Seri Dr. M, "Sumber alam yang kaya dan lalain kurniaan Tuhan kepada negara kita tidak dengan sendirinya membawa kebahagiaan hidup dan kemakmuran. Untuk ini kita perlu berusaha mengeluarkan sumber alam, melebur serta memerkannya." (Mini-komen: Seperti berulang-ulang dicatatkan di halaman ini bahawa ikan di dalam sungai tidak akan melompat ke dalam belanga setelah Kerajaan mengadakan mata kail, benang dan joran... Kita terpaksaialah pula mencari umpan dan selepas itu mencampakkannya mata kail ke dalam air!)

Mengenal kestabilan politik, Perdana Menteri mahukan setiap rakyat berusaha mengekalkan serta mengawasanya, ni lalah kerana kestabilan yang ada sekarang tidak wujud dengan sendirinya, tetapi kerana adanya usaha yang bersungguh-sungguh ke arah mengekalkannya. Dalam hal ini, kita tidak boleh lalai walau sedikit pun kerana kestabilan politik boleh lenyap dengan sekejap mata saja jika kita tidak mengawasanya," jelas beliau. (Mini-Komen: Sejarah telah berulang kali membuktikan bahawa tanpa kestabilan politik, sesebuah negara walau bagaimanaya kaya sekalipun hanya dalam konteks sumber alam, akan berada dalam keadaan huru-hara, yakni, "anarchy" dan dalam keadaan sedemikian bukan sahaja ekonomi negara akan terlengkap malah rakyat akan kehilangan kebebasan dan "human dignity," yakni, penghormatan sebagai manusia.)

Oleh itu adalah tanggungjawab kita bersama untuk memastikan negara kita tetap ditadbirkan oleh para pemimpin yang jujur, cekap dan berdisiplin—dari parti yang telah membuktikan kebolehan dan kelayakannya memerintah negara. Kerana jika pemerintahan negara jatuh ke tangan parti yang "bukan-bukan" dan dengan itu negara ditadbirkan oleh para pemimpin yang tidak berpengalaman dan berkelakuan, maka bukan saja ekonomi negara akan tunggang-terbalik, keselamatan awam tidak terkawal, malah rakyat akan menuruk ke taraf biri-biri, yang diberi hak atau kebebasan cuma dalam satu bidang tertentu sahaja, iaitu untuk membebekkan kepada apa sahaja yang diperkatakan oleh ketua!

\*\*\*

### Komen Penulis:

Oleh kerana penulis sudah pun mencatatkan "mini-komen" di perenggan-perenggan yang sewajar, maka tidaklah perlu bagi penulis membuat komen terhadap ucapan Perdana Menteri dikisahkan tadi.

Sebagai ganti kepada komen biasa, penulis akan catitkan petikan dari ucapan Perdana Menteri, seperti yang tersiar di akhbar beberapa hari yang lalu:

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rakyat yang mengisikap terlalu meminta-minta dan bergantung kepada kerajaan kerana perbuatan sedemikian akan membebaskan diri mereka sendiri. (Utusan Melayu Disember 21 1981).

### Catitan Khas:

Perbuatan seperti itu jika ditamlakan secara keterlaluan akan menjatuhkan maruah si peminta itu sendiri. Kerana orang yang berperangai adalah pengemis alias peminta sedekah. Bagi segi jangka panjang pula, amalan seperti itu akan membawa akibat yang buruk kepada si peminta.

Sebab: Apa akan terjadi jika si peminta udah kehilangan tem-

pat untuk memlinta? Jawapannya ialah: mereka akan menderita seperti penghuni zoo yang dilepaskan di dalam hutan. In tidak akan berkebolehan dari segi fizikal untuk mencari makan sendiri dan akhirnya ia akan menjadi makanan kepada binatang lain atau yang menetap di dalam hutan.

☆☆☆

### Ekor Ruangannya:

Sebuah berita dari Khabrah melaporkan akhbar harian "Al Akhbar" sebagai berkata, seseorang Mesir secara purata bekerja selama 57 (lima puluh tujuh) minit sehari, atau 4 peratus daripada masanya (yakni "4 per cent of his time"). Akhbar tersebut menjelaskan bahawa ini adalah pendapat yang disuarakan oleh pakar-pakar Mesir dalam satu seminar penadbiran awam baru-baru ini.

Akhbar menambahkan, mengikut pakar-pakar itu lagi, orang-orang Mesir menghabiskan ("spen") 4 peratus masa mereka di tempat tidur (yakni, "sleeping"), 36 peratus menonton TV dan bakiannya di dalam kereta-deriaan awam ("on public transport").

"Sebagai bandingan, orang-orang Amerika menghabiskan 4 kali ganda masa mereka sehari untuk bekerja (yakni 57 minit dalam 4), kata pakar-pakar yang sama.

(Dipetik dari sebuah akhbar luar negeri, bertarikh Disember 23, 1981 di bawah tajuk "57 minitue work-day").

### Catitan Khas:

Bilakah pula agaknya, pakar-pakar tempatan (dari MAMPU, misalnya) akan membuat kajian yang sama, untuk membolehkan kita mengetahui berapa lamakah pula orang-orang kita secara purata bekerja, tidur, menonton TV dan bercerita-cerita (sama ada di tempat kerja atau di kedai kopi) — dalam satu-satu hari?

☆☆☆